

Headline	Pusat sumber berkaitan HIV kini lengkap		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	29 Aug 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	24	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	48 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 986
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,958



## Pusat sumber berkaitan HIV kini lengkap

**K**UALA LUMPUR: Pusat Sumber dan Pembelajaran HIV/Aids milik PT Foundation yang baru diubah suai kini lengkap dengan petugas serta peralatan teknologi maklumat (IT) selepas menerima bantuan kerajaan Jepun.

Pengerusi PT Foundation Hisham Hussein berkata, pusat itu kini mampu mengendalikan latihan, seminar dan bengkel berkaitan HIV/AIDS dalam persekitaran yang lebih baik serta kondusif.

“Dengan menaik taraf ke-

upayaan IT di pusat ini, ia akan menghubungkan pusat sumber kami dengan laman web Majlis AIDS Malaysia,” katanya selepas pelancaran pusat itu oleh Duta Besar Jepun ke Malaysia Shigeru Nakamura semalam. - Bernama